

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 DISEMBER 2013 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Gelombang kedua banjir: Tingkatkan kerjasama penduduk, agensi - PM	Utusan Online
2	Chance for a tropical storm very small	The Star
3	Amaran angin kencang, laut bergelora	Harian Metro
4	Amaran gelombang kedua di Pahang	Harian Metro
5	Kejadian tiada kaitan cuaca, iklim	Harian Metro
6	Usah percaya petanda Tsunami	Harian Metro
7	Amaran rebut petir di beberapa perairan Negara sehingga subuh esok	Bernama.com
8	Ikan terdampar di Lahad Datu bukan kerana gempa bumi – Pengarah Meteorologi Sabah	Bernama.com
9	SKMM diminta kemuka sistem komunikasi baharu ketika hadapi kecemasan	Bernam.com
10	Amaran angin kencang dan laut bergelora	Benrma.com
11	Amaran gelombang kedua banjir di Pahang bermula 30 Dis	Bernama.com
12	Pasukan keselamatan sedia hadapi kemungkinan bencana	Utusan Online
13	BiotechCorp, NAFAS jalin kerjasama bangun tanah terbiar	Berita Harian
14	BAE to make Malaysia hub for security solution	New Straits Times

**BERITA ONLINE
UTUSAN ONLINE
TARIKH: 25 DISEMBER 2013 (RABU)**



Gelombang kedua banjir: Tingkat kerjasama penduduk, agensi - PM

KUALA LUMPUR 25 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berharap semua penduduk dan agensi keselamatan bekerjasama secara lebih sistematik dalam menghadapi gelombang kedua banjir yang diramal melanda hujung bulan ini.

Beliau juga meminta penduduk mengutamakan keselamatan diri serta keluarga dan berdoa agar kejadian banjir segera berakhir.

"Saya difahamkan gelombang kedua banjir diramal melanda sekali lagi di beberapa buah negeri hujung bulan ini.

"Untuk mengelak sebarang kejadian tidak diingini, saya berharap penduduk dan agensi keselamatan dapat berganding bahu dengan lebih sistematik," kata Najib dalam catatan terbaharu di laman Facebook beliau hari ini.

Semalam, **Jabatan Meteorologi** memberi amaran kemungkinan berlaku gelombang kedua banjir di Pahang bermula 30 Dis.

Banjir buruk di Pahang baru-baru ini mengakibatkan lebih 40,000 mangsa dipindah ke pusat pemindahan. - BERNAMA

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131225/dn_27/Gelombang-kedua-banjir:-Tingkat-kerjasama-penduduk,-agensi---PM#ixzz2oXjZSTAL

© Utusan Melayu (M) Bhd

Chance for a tropical storm very small

THE Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) would like to thank Zahar for his letter "Prepare for devastating cyclones" (*The Star*, Dec 21) and Albert for his letter "No chance of any typhoon" (*The Star*, Dec 23).

As highlighted by Albert, there is no chance for any typhoon to form in our country until the end of 2013.

However, when dealing with mother nature, there is always a possibility for the weather to act not according to our prediction.

Therefore, it would be better to say that the chance for a tropical cyclone to hit Malaysia at this moment as well as in the future is relatively very small.

On the issue raised by Zahar, public safety has always been our main priority when dealing with weather related disasters. During Tropical Storm Greg in 1996, our severe weather warning system was not ideally established.

Since then, further steps have been taken to enhance it.

As a result, less casualties were recorded when our country was hit for the second time by another tropical cyclone, namely Typhoon Vamei in 2001.

Even though, most of our severe advisories and warnings are already in place, there is always room for improvement. Therefore, the suggestion to further improve our severe weather warning is highly appreciated and will be taken into consideration.

**MALAYSIAN METEOROLOGICAL
DEPARTMENT**
Ministry of Science, Technology
and Innovation

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 25 DISEMBER 2013 (RABU)**

Amaran angin kencang, laut bergelora

Kuala Lumpur: Angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak yang diramalkan sejak Selasa lalu dijangka berterusan ke hari ini.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan di sini berkata, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60 kmsj dijangka berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 kmsj juga dijangka berlaku di perairan Sabah (pedalaman, pantai barat dan Kudat), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Kedua-dua keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan, bot kecil, rekreasi laut dan pantai termasuk menangkap ikan, perkhidmatan feri dan sukan laut.

Menurut kenyataan itu, amaran ribut petir menye-

luruh dijangka berlaku di kawasan perairan Terengganu, Pahang, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak dan dijangka berterusan sehingga awal malam hari ini. - BERNAMA



**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 6
TARIKH: 25 DISEMBER 2013 (RABU)**

Kuantan

**Amaran
gelombang
kedua di Pahang**

Jabatan Meteorologi Pahang, semalam memberi amaran kemungkinan berlakunya gelombang kedua banjir di Pahang bermula 30 Disember.

Menurut Pengarah Jabatan Meteorologi Pahang Azemi Daud, taburan hujan lebat diramalkan berlaku bermula 30 Disember hingga 6 Januari tahun depan terutama di tiga daerah iaitu Kuantan, Pekan dan Rompin.

“Dalam tempoh sama, air pasang turut berlaku manakala kelajuan angin diramalkan 50 hingga 60 kilometer sejam,” katanya selepas menghadiri sesi taklimat persiapan banjir untuk gelombang kedua di sini, semalam.

Turut hadir dalam sesi taklimat banjir itu, Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Azemi berkata, mengikut ramalan awal, taburan hujan lebat berlaku dalam empat peringkat iaitu pertama pada 2 Disember hingga 6 Disember lalu, mengakibatkan banjir buruk di Pahang.

- BERNAMA

Kejadian tiada kaitan cuaca, iklim

Kejadian beribu-ribu ikan tamban yang terdampar di pantai Kampung Tambisan Darat, Lahad Datu, semalam adalah fenomena marin biasa yang tidak ada kaitan dengan cuaca atau iklim.

Justeru, Pengarah Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tussin, menolak dakwaan kononnya kejadian itu adalah petanda tsunami yang disebarkan di media sosial sejak semalam.

Katanya, penduduk khususnya di Sabah dinasihatkan tidak bimbang kerana tidak ada bukti ia petanda kejadian buruk itu.

“Saya mahu menegaskan tiada tsunami di kawasan berhampiran kita. Tiada tanda bakal berlaku (tsunami),” katanya ketika dihubungi *BH* di sini, semalam.

Pertama kali berlaku di Sabah

Beliau diminta mengulas kejadian beribu-ribu ikan tamban yang terdampar di kampung itu jam 8 pagi semalam yang dikaitkan setengah pihak sebagai petanda tsunami berikutan pengalaman di Aceh, Kedah dan Pulau Pinang ketika sejourus sebelum bencana

itu melanda pada 26 Disember 2004.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Sabah, Datuk Rayner Stuel Galid, menyifatkan kejadian itu sebagai luar biasa kerana ia pertama kali dilaporkan di negeri ini.

“Kita akan menghantar kakitangan untuk menyiasat kejadian itu. Kita mahu tahu kenapa ikan berkenaan mendamparkan diri kerana ikan tamban biasanya berada di tengah laut dan jarang ada berhampiran pantai,” katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 25 DISEMBER 2013 (RABU)

Usah percaya petanda tsunami

Kota Kinabalu: Orang ramai dinasihatkan supaya tidak mempercayai fenomena ribuan ikan 'terbang' dan terdampar di pantai di Kampung Tambisan Darat, Lahad Datu, semalam, sebagai petanda bakal berlaku tsunami.

Fenomena se-cara kebetulan yang berlaku hampir genap sembilan tahun tsunami di Aceh, Indonesia dan Kedah serta Pulau Pinang pada 26 Disember 2004, menyebabkan penduduk di sekitar Pantai Timur Sabah panik dan membuat pelbagai andaian.

Lebih menguatkan dakwaan berkenaan ada-

lah kejadian di Kampung Tambisan Darat itu berlaku hampir dengan tarikh kejadian tsunami sembilan tahun lalu.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tussin berkata, kejadian itu adalah fenomena

marin yang tiada kaitan dengan keadaan cuaca atau iklim.

"Saya mengingatkan penduduk khususnya di negeri ini supaya tidak bimbang dengan penyebaran laporan di laman sosial kerana petanda itu (fenomena ikan terbang)

memang tiada kaitan langsung dengan tsunami.

"Saya ada mendengar maklumat ini tetapi ingin saya tegaskan bahawa tiada tsunami dikesan di kawasan berhampiran negara buat masa ini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, kejadian jam 8 pagi itu menggemparkan penduduk kampung apabila ribuan ikan spesies tamban yang masih hidup 'naik' ke darat.

Fenomena luar biasa itu menarik perhatian nelayan dan penduduk kampung yang kemudian beramai-ramai ke pantai memungut ikan berkenaan dengan baldi serta peralatan lain.

FAKTA

Fenomena ikan terbang tiada kaitan langsung dengan tsunami



Amaran Ribut Petir Di Beberapa Perairan Negara Sehingga Subuh Esok

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Ribut petir yang berlaku di kawasan perairan Perak dan Selangor dijangka berterusan sehingga sebelum Subuh esok.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora serta ombak setinggi 3.5 meter yang berbahaya kepada bot kecil.

Ribut petir di kawasan perairan Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah (Pendalaman dan Pantai Barat) juga dijangka berterusan sehingga sebelum Subuh esok.

"Pada masa sama, angin kencang dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai, termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri," kata kenyataan itu.

Selain itu, angin kencang timur laut dengan kelajuan 60 kilometer sejam dengan ombak setinggi lebih 5.5 meter di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur akan berterusan sehingga 31 Dis.

"Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut. Keadaan ini dijangka berterusan sehingga 31 Dis," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



Ikan Terdampar Di Lahad Datu Bukan Kerana Gempa Bumi - Pengarah Meteorologi Sabah

KOTA KINABALU, 25 Dis (Bernama) -- Jabatan Meteorologi Malaysia tidak mengesan sebarang pergerakan kerak bumi di sekitar Lahad Datu, yang dikaitkan dengan fenomena ribuan ikan tamban terdampar di pantai Kampung Tambisan Tungku, pagi Selasa.

[Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Sabah Abdul Malek Tussin](#) berkata berdasarkan sistem amaran awal tsunami, keadaan dasar laut di kawasan berkenaan juga seperti biasa.

Bagaimanapun jabatan ini tetap memantau pergerakan kerak bumi terutama di dasar laut di kawasan terbabit, katanya kepada Bernama di sini Rabu.

Sementara itu Pengarah Jabatan Perikanan Sabah Datuk Rayner Stuel Galid berkata kejadian tersebut merupakan kali pertama berlaku di Sabah.

"Selalunya ikan tamban ini berada di tengah laut, jarang di tepi pantai," katanya.

Beliau berkata pihaknya telah menghantar pegawai ke kawasan berkenaan bagi melakukan siasatan.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu Supt Mat Shamsuddin pula berkata pasukan keselamatan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan termasuk bencana alam.

Dalam kejadian 8 hingga 9.30 pagi itu, ribuan ikan tamban seolah-olah naik ke darat dan menarik perhatian masyarakat setempat dengan ada antara mereka menganggap fenomena tersebut sebagai petanda bencana alam seperti tsunami.

-- BERNAMA



SKMM Diminta Kemuka Sistem Komunikasi Baharu Ketika Hadapi Kecemasan

KUANTAN, 25 Dis (Bernama) -- Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek meminta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) menyediakan satu sistem komunikasi baharu untuk dilaksana ketika kecemasan.

Beliau berkata ini kerana banjir buruk yang melanda Kuantan dan Kemaman sehingga melumpuhkan sistem komunikasi berikutan pencawang elektrik ditenggelami air, merupakan satu pengajaran besar kepada negara.

"Saya saya meminta SKMM untuk membina suatu 'architecture' baharu, sistem komunikasi di waktu kecemasan, sekiranya berlaku perang, berlaku letupan bom di janakuasa elektrik, apa terjadi (dengan sistem komunikasi kita)? Atau berlaku banjir besar misalnya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis 'Sentuhan Kasih' di Cherating, Selasa malam.

Beliau berkata sistem komunikasi ketika ini yang bergantung kepada tenaga elektrik, merupakan satu kekangan apabila bekalan elektrik terputus seperti yang berlaku ketika banjir buruk di Kuantan dan Kemaman awal bulan ini.

Ahmad Shabery berkata beliau telah membangkitkan perkara itu di kabinet, dan percaya kerajaan akan mengambil kira semua cadangan dalam usaha memperkemaskan sistem komunikasi negara ketika menghadapi bencana.

"Jaringan integrasi kerajaan sekarang ini mesti dilihat dari segi rangkaian, penggunaan radio amatur, penggunaan walkie-talkie yang berkuasa tinggi, senang daripada menggunakan telefon mudah alih, yang dibekalkan kepada kumpulan tertentu dalam kerja menyelamatkan, selain itu mungkin juga kita boleh gunakan telefon satelit," katanya.

Ahmad Shabery berkata selain itu usaha bersepadu dalam menyalurkan maklumat juga perlu diperkemaskan membabitkan semua jabatan berkaitan termasuk [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) dan agensi-agensi lain seperti pasukan keselamatan.

Majlis Sentuhan Kasih itu bertujuan mengumpul dana untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir di Kemaman dan Kuantan.

-- BERNAMA



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak yang diramalkan sejak Selasa lepas dijangka berterusan ke hari ini.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan di sini berkata angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60 kmsj dijangka berlaku di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Johor dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 kmsj juga dijangka berlaku di perairan Sabah (pedalaman, pantai barat dan Kudat), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Kedua-dua keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan, bot-bot kecil, rekreasi laut dan pantai termasuk menangkap ikan, perkhidmatan feri dan sukan laut.

Menurut kenyataan itu, amaran ribut petir menyeluruh dijangka berlaku di kawasan perairan Terengganu, Pahang, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak dan dijangka berterusan sehingga awal malam hari ini.

-- BERNAMA



Amaran Gelombang Kedua Banjir Di Pahang Bermula 30 Dis

KUANTAN, 24 Dis (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Pahang](#) Selasa memberi amaran kemungkinan berlakunya gelombang kedua banjir di Pahang bermula 30 Dis.

Menurut [Pengarah Jabatan Meteorologi Pahang Azemi Daud](#), taburan hujan lebat diramalkan berlaku bermula 30 Dis hingga 6 Jan tahun depan terutama di tiga daerah - Kuantan, Pekan dan Rompin.

"Dalam tempoh yang sama juga air pasang turut akan berlaku, manakala kelajuan angin diramalkan 50 hingga 60 kilometer sejam," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi taklimat persiapan banjir untuk gelombang kedua di sini, hari ini.

Turut hadir dalam sesi taklimat banjir itu ialah Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Azemi berkata mengikut ramalan awal, taburan hujan lebat berlaku dalam empat peringkat iaitu pertama pada 2 Dis hingga 6 Dis lepas, yang mengakibatkan banjir buruk di Pahang.

"Sesi kedua diramalkan berlaku pada 18 Dis hingga 22 Dis lepas, bagaimanapun ia tidak berlaku.

"Jadi, peringkat kedua itu diramalkan berlaku pada 30 Dis hingga 6 Jan tahun depan, dan akan disusuli dengan dua lagi peringkat yang dijangka berlaku sebelum awal Mac," katanya.

Banjir buruk di Pahang baru-baru ini mengakibatkan lebih 40,000 mangsa banjir dipindahkan ke pusat-pusat pemindahan banjir.

Sebanyak sembilan daerah terbabat banjir iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Jerantut, Temerloh, Raub, Bera, Lipis dan Maran.

Berdasarkan laporan sebelum ini, lebih RM65 juta kerugian harta benda akibat banjir itu, dan turut mengorbankan tiga nyawa akibat lemas.

**BERITA ONLINE
UTUSAN ONLINE
TARIKH: 25 DISEMBER 2013 (RABU)**



Pasukan keselamatan sedia hadapi kemungkinan bencana

Oleh ASSIM HASSAN
utusansabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 25 Dis. - Pasukan keselamatan yakin mempunyai waktu yang cukup untuk memaklum dan memindahkan orang ramai sekiranya berlaku tsunami di kawasan Pantai Timur Sabah ekoran kebimbangan orang ramai terhadap ancaman tersebut selepas ribuan ekor ikan terdampar di sepanjang pesisir pantai Kampung Tambisan, Lahad Datu semalam.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, **Supritendan Shamsudin Mat** berkata, langkah awal telah diambil pihaknya bersama beberapa agensi kerajaan lain sekiranya berlaku sesuatu bencana alam.

Bagaimanapun, tegas beliau, orang ramai diingatkan supaya tidak menyebarkan maklumat palsu yang bertujuan menakut-nakutkan masyarakat kerana kejadian yang berlaku semalam merupakan satu fenomena alam ekoran gegaran beberapa hari lalu di Kepulauan Mariana dan Indonesia.

"Berdasarkan maklumat dan kerjasama antara polis dan Jabatan Meteorologi Sabah, gegaran itu tidak menyebabkan berlakunya tsunami atau gempa bumi.

"Kita yakin alat penggera yang berada di kawasan laut Lahad Datu mampu memberi amaran awal terhadap ancaman tsunami selain waktu untuk pihak berkuasa memaklumkan serta memindahkan penduduk ke kawasan selamat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, penduduk di sekitar Kampung Tambisan, Lahad Datu dikejutkan dengan kejadian luar biasa apabila ribuan ikan tamban terdampar di sepanjang pesisir pantai kampung berkenaan kira-kira pukul 8 pagi.

Shamsudin menambah, pihaknya sudah mempunyai tempat perpindahan sekiranya berlaku bencana alam di kawasan sekitar daerah itu.

Katanya, beberapa agensi kerajaan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) telah dimaklumkan dan bersiap sedia dengan sebarang bencana alam.

Sementara itu, **Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Malik Tussin** mengesahkan tiada sebarang ancaman gempa bumi atau tsunami yang akan melanda Pantai Timur Sabah ekoran kejadian aneh berkenaan.

Katanya, sebaik sahaja kejadian itu berlaku, **Bahagian Geofizik dan Tsunami Jabatan Meteorologi Malaysia yang berpusat di Petaling Jaya** sentiasa memantau dengan rapi kemungkinan bencana alam yang mungkin berlaku di kawasan tersebut.

"Bagaimanapun, tiada sebarang ancaman tsunami atau gempa bumi dikesan akan berlaku di negara ini termasuk di Sabah.

"Orang ramai yang mempunyai kemusykilan dan ingin mendapat maklumat tepat mengenai sebarang ancaman tsunami boleh menghubungi Pejabat Ramalan Cuaca negeri di talian 088-413690," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai khususnya penduduk di Pantai Timur Sabah agar tidak mempercayai khabar angin mengaitkan insiden tersebut sebagai salah satu petanda tsunami.

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131226/dn_11/Pasukan-keselamatan-sedia-hadapi-kemungkinan-bencana#ixzz2oXhTehl

© Utusan Melayu (M) Bhd

BiotechCorp, NAFAS jalin kerjasama bangun tanah terbiar

Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk meningkatkan pendapatan peladang menerusi penggunaan bioteknologi secara intensif.

Ketua Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Nazlee Kamal berkata, jalinan kerjasama itu adalah sejajar dengan pelaksanaan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi yang memfokuskan kepada pembangunan tanah terbiar.

Pendapatan tinggi

"Ia bagi memberi nilai tambah kepada industri berasaskan pertanian serta peluang peladangan kontrak bagi menjamin pendapatan lebih tinggi kepada peladang," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur.

Memorandum persefahaman bagi kerjasama itu dimeterai pada mesyuarat agung tahunan NAFAS ke-40 baru-baru ini. Ia disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi NAFAS, Datuk Seri Saipol Bahari Suib; Pengurus Besar NAFAS, Datuk Abdul Rahman Ismail serta Ketua Operasi BiotechCorp, Razwin Sulairee Hasnan Termizi.

BAE to make Malaysia hub for security solutions

GLOBAL DELIVERY CENTRE: Country has stable workforce with right skills, says Sutherland

MUHAMMED AHMAD HAMDAN
KUALA LUMPUR
bt@mediaprima.com.my

BRITISH global defence, aerospace and security company BAE Systems is bullish on its plan to make Malaysia its global delivery hub for the group's security solutions business by 2015.

BAE Systems Detica managing director Martin Sutherland said the facility, to be set up here, will serve as the engineering centre for the company's cyber security solutions products.

Sutherland said besides engineering cyber security products for global markets, the centre will also serve customers in the Southeast Asian region, including Malaysia.

"We see our business doing very well in the global security market and we are expecting double-digit growth globally. We see the facility here as a key part of our global and regional strategy," he said recently.

To kick off the initiative, Sutherland said the company has recruited some 100 employees, 99 per cent of whom are locals.

The workforce will be bumped up to 300 by next year.

"We plan to employ 30 skilled information-technology graduates from local universities via our graduate recruitment programme," Sutherland said, adding that the fa-

cility will become a global resource centre for the group.

Stable workforce in the country, coupled with right skills and talent, are one of the main reasons BAE has chosen Malaysia.

"Stable workforce is important to us. We looked at skills, talent and capabilities across a number of countries and think the right kind are based here.

"Malaysia has the right kind of education system and good universities. We believe local employees are very loyal, which is important for us in terms of cost and turnover," he added.

Having been in the country for over 40 years, although mainly in the aerospace and defence sectors, BAE has always enjoyed good relationship with the Malaysian government.

This, Sutherland said, has made Malaysia a successful investment for the company.

"We want to work in harmony with the government and be a part of the economic transformation in the country by developing skills and talent here. That's the whole point of having the global delivery centre here," he noted.

Sutherland said cyber security has become a serious concern not only for business players but also governments the world over.

This is because cyber attacks have reportedly cost between US\$70 bil-



BAE Systems Detica MD Martin Sutherland says the company sees the local unit as a key part of its global and regional strategy

lion and US\$400 billion (RM230.3 billion and RM1.32 trillion) to the US\$70 trillion per year global economy.

In Malaysia, CyberSecurity Malaysia (CSM) reported that the cost of known cybercrime has reached more than RM1 billion in the first six months of the year, compared with RM1.1 billion last year.

CSM's statistics show that the number of cyber attacks in the country is rising at an alarming rate with more than 8,500 incidents reported

this year to date.

There were fewer than 10,000 incidents reported last year.

"There are a number of very high-profile cyber attacks against businesses and governments and that's costing the world economy hundreds of billions a year," Sutherland said.

In August last year, the Saudi Arabian national oil and natural gas company was struck by a self-replicating virus that infected as many as 30,000 of its computers. It took the company almost two weeks to recover from the damage.

It didn't disrupt the company's oil production. If it had, the economic impact could have been enormous, added Sutherland.

Offering complete cyber security solutions, BAE provides full protection for corporate systems, banks and financial institutions to prevent fraud and money laundering, with its main clients being governments and companies in major industries.

Headquartered in the United Kingdom, BAE is one of the biggest cyber security solutions providers in the United States, Canada, Australia and Europe.

In Malaysia, the company is the number one anti-money laundering provider, catering to five out of six major banks in the country.

It is also currently working with two major telcos in the country and various government agencies.